Karip Mohd Salleh & Ors v Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA) & Anor

COURT OF APPEAL (PUTRAJAYA) — CIVIL APPEAL NO N-01-(W)-268–08 OF 2015
ABANG ISKANDAR, ZAMANI A RAHIM AND ZALEHA YUSOF JJCA
31 MARCH 2017

Civil Procedure — Appeal — Appeal against judgment of High Court — Whether trial judge committed no appealable error that warranted appellate intervention

The appellants, who were settlers in FELDA land schemes, sued the respondents for special, general and exemplary damages for fraud, conspiracy to defraud and breach of trust contending that the respondents fraudulently colluded to deprive them of a fair price for the sale of their oil palm produce. The appellants claimed the first respondent ('FELDA') contractually required them to sell their fresh fruit bunches ('FFB') only to mills operated by the second respondent ('FPI') and because the respondents fully controlled the FFB grading process and the palm oil extraction rates, irregularities in the way the oil extraction rates were applied caused the appellants to receive less returns on their FFB than what was rightly due to them. The appellants contended that FPI initially based the FFB price on the actual oil extraction rate regardless of the quality of the fruits sent to the mills but later determined the price based on the quality of the FFB after it was graded and the graded extraction rate ('KPG') was determined. The appellants alleged that the KPG was fraudulently lowered. The High Court dismissed the appellants' claim holding that: (a) they had no locus standi to sue since they had not proven that each of the appellants was a FELDA settler who had sold his/her FFB to the respondents; (b) the claims for fraud, conspiracy to defraud and breach of trust were not proven; (c) the claims against the respondents were time-barred under s 6 of the Limitation Act 1953 ('the Act') while, as against FELDA, the claims were also time-barred under s 2 of the Public Authorities Protection Act 1948; (d) the appellants' relationship with FELDA was only contractual and not based on any trust or fiduciary relationship; (e) the appellants were guilty of laches in pursuing their claim which prejudiced the respondents in their ability to properly defend the suit; and (f) the appellants failed to prove the quantum of damages they had purportedly suffered. In the instant appeal against the High Court's decision, the appellants argued that: (i) the trial court was wrong in its findings on locus standi, limitation and quantum of damages; (ii) the evidence showed that the respondents had committed breach of fiduciary duty and equitable fraud; and (iii) the appellants had established a prima facie case which the respondents had failed to rebut.

Held, dismissing the appeal:

(1) No appealable error was committed by the trial judge that warranted appellate intervention. The trial judge had correctly and properly decided the matter. None of the grounds canvassed by the appellants had any merit (see para 56).

(2) The appellants' cause of action against the respondents was statute-barred under s 6 of the Act as the six-year limitation period applied to the claims for fraud and/or conspiracy to defraud. The appellants failed to establish any breach of trust let alone a fraudulent breach of trust. Hence, the trial judge correctly held that s 22(1)(a) of the Act — which dealt with fraudulent breach of trust — did not apply (see paras 50–51).

(3) Section 22 of the Act clearly recognised that the court had equitable jurisdiction to refuse relief on the ground of laches. The appellants, in commencing their claim in 2010 for matters that purportedly went as far back as 1995 or 1998, had prejudiced the respondents' position as they had lost the evidence necessary to meet the claim. The appellants had slept on their rights. Although it was alleged during the trial that as early as August 2001 the second respondent had fraudulently reduced the KPG, no suit was instituted and the appellants allowed nine years to lapse before they filed their action against the respondents (see para 52).

(4) The appellants' statement of claim never pleaded any breach of fiduciary duty. The trial judge held that the appellants were estopped from making submissions on breach of fiduciary duty as the parties were bound by their pleadings. In any event, the respondents did not owe the appellants any fiduciary duty in the sale and purchase of the FFB. The obligation to sell the FFB to a mill selected by FELDA was contained in cl 9 of the *surat perjanjian* and the grading was conducted by MPOB certified graders. The trial judge correctly decided that the relationship between FELDA and the settlers was contractual and that it was not a trust relationship (see paras 26–27).

(5) The appellants failed to provide any evidence whatsoever during the trial to show that each and every appellant had sent their FFB to the second respondent's mill. The trial judge duly evaluated the relevant evidence and concluded that the appellants had no locus standi. The appellants' challenge against this finding of the trial judge was misconceived (see para 18).

(6) The appellants failed to establish during the trial that any of the KPG was wrong. Even the appellants' own witnesses, when cross-examined, admitted that it was within the range stated in the Malaysian Palm Oil Board's Manual (see para 41).

(7) The appellants failed to prove fraud against the respondents on balance of probabilities or to present a prima facie claim. They also failed to establish the quantum of damages for their period of claim because they failed to prove the quantity of FFB purportedly sold by each of the appellants to the respondents or to show the purported 'shortfall' between the 'proper' KPG and the KPG given or to show the monthly/daily price of FFB for the percentage of shortfall for the period of claim (see paras 32 & 53).

[Bahasa Malaysia summary

Perayu-perayu, yang mana adalah peneroka dalam skim tanah FELDA, menyaman responden-responden untuk ganti rugi khas, am dan teladan bagi fraud, berkomplot untuk menipu dan pecah amanah berhujah bahawa responden-responden secara fraud berpakat sulit untuk menafikan mereka harga adil bagi jualan keluaran minyak kelapa sawit mereka. Perayu-perayu mendakwa responden pertama ('FELDA') secara kontrak mengkehendaki mereka untuk menjual tandan buah segar mereka ('FFB') hanya kepada kilang-kilang yang dioperasi oleh responden kedua ('FPI') dan kerana responden-responden mengawal sepenuhnya proses pengredan FFB dan kadar pengekstrakan minyak kelapa sawit, luar aturan dalam cara kadar pengekstrakan minyak diguna pakai menyebabkan perayu-perayu menerima pulangan kurang ke atas FFB mereka daripada apa yang mereka berhak dapat daripadanya. Perayu-perayu berhujah bahawa FPI pada mulanya berdasarkan harga FFB tersebut ke atas kadar pengekstrakan minyak sebenar tanpa mengira kualiti buah-buahan yang dihantar ke kilang-kilang tetapi kemudiannya menentukan harga berdasarkan kualiti FFB tersebut selepas ia digredkan dan kadar pengekstrakan gred ('KPG') ditentukan. Perayu-perayu mendakwa bahawa KPG telah dikurangkan secara palsu. Mahkamah Tinggi menolak tuntutan perayu-perayu dengan memutuskan bahawa: (a) mereka tidak mempunyai locus standi untuk menyaman memandangkan mereka tidak membuktikan bahawa setiap perayu-perayu adalah peneroka FELDA yang telah menjual FFBnya kepada responden-responden; (b) tuntutan-tuntutan untuk fraud, komplot untuk menipu dan pecah amanah tidak dibuktikan; (c) tuntutan terhadap responden-responden dihalang masa di bawah s 6 Akta Had Masa 1953 ('Akta') sementara, terhadap FELDA, tuntutan-tuntutan tersebut juga dihalang masa di bawah s 2 Akta Perlindungan Pihak Berkuasa Awam 1948; (d) hubungan perayu-perayu dengan FELDA hanya kontraktual dan bukan berdasarkan atas apa-apa hubungan amanah atau fidusiari; (e) perayu-perayu adalah salah terhadap *laches* dalam memburu tuntutan mereka yang mana memprejudiskan responden-responden dalam keupayaan mereka untuk membela tindakan tersebut dengan betul; dan (f) perayu-perayu gagal membuktikan kuantum ganti rugi yang telah dikatakan ditanggung oleh mereka. Dalam rayuan ini terhadap keputusan Mahkamah Tinggi, perayu-perayu berhujah bahawa: (i) mahkamah bicara adalah salah dalam dapatannya atas locus standi, had masa dan kuantum ganti rugi; (ii) keterangan menunjukkan bahawa responden-responden telah melakukan pelanggaran

kewajipan fidusiari dan fraud ekuiti; dan (iii) perayu-perayu telah membuktikan kes prima facie yang mana responden-responden telah gagal untuk mematahkan.

Diputuskan, menolak rayuan:

(1) Tiada kesilapan yang boleh dirayukan telah dilakukan oleh hakim bicara yang mewajarkan campur tangan mahkamah rayuan. Hakim bicara telah dengan betul memutuskan perkara tersebut. Tidak satupun alasan-alasan yang dirayukan oleh perayu-perayu mempunyai apa-apa merit (lihat perenggan 56).

(2) Kausa tindakan perayu-perayu terhadap responden-responden adalah dihalang statut di bawah s 6 Akta memandangkan tempoh had masa enam tahun terpakai kepada tuntutan-tuntutan untuk fraud dan/atau berkomplot untuk menipu. Perayu-perayu gagal untuk membuktikan apa-apa pecah amanah apatah lagi pecah amanah palsu. Maka, hakim bicara dengan betul memutuskan bahawa s 22(1)(a) Akta — yang berurusan dengan pecah amanah palsu — tidak terpakai (lihat perenggan 50–51).

(3) Seksyen 22 Akta jelas menerima bahawa mahkamah mempunyai bidang kuasa ekuiti untuk menolak relief atas alasan laches. Perayu-perayu, dalam memulakan tuntutan mereka pada tahun 2010 untuk perkara yang dikatakan berlaku sejak 1995 atau 1998, telah memprejudiskan kedudukan responden-responden kerana mereka telah hilang keterangan yang diperlukan untuk memenuhi tuntutan tersebut. Perayu-perayu tidak mengguna pakai hak mereka. Walaupun ia didakwa semasa perbicaraan seawal Ogos 2001 responden kedua telah secara palsu mengurangkan KPG, tiada tindakan dimulakan dan perayu-perayu membenarkan masa luput sembilan tahun sebelum mereka memfailkan tindakan mereka terhadap responden-responden (lihat perenggan 52).

(4) Pernyataan tuntutan perayu-perayu tidak pernah memplidkan apa-apa pelanggaran kewajipan fidusiari. Hakim perbicaraan memutuskan bahawa perayu-perayu diestop daripada membuat penghujahan atas pelanggaran kewajipan fidusiari memandangkan pihak-pihak terikat oleh pliding mereka. Walau bagaimanapun, responden-responden tidak menanggung apa-apa kewajipan fidusiari terhadap perayu-perayu dalam jual beli FFB tersebut. Tanggungjawab untuk menjual FFB tersebut kepada kilang yang dipilih oleh FELDA terdapat di dalam klausa 9 surat perjanjian dan pengredan dijalankan oleh pengred bertauliah MPOB. Hakim perbicaraan dengan betul memutuskan bahawa hubungan di antara FELDA dan peneroka-peneroka adalah kontraktual dan ia bukan hubungan amanah (lihat perenggan 26–27).

(5) Perayu-perayu gagal memberikan apa-apa keterangan semasa

perbicaraan untuk menunjukkan bahawa setiap perayu telah menghantar FFB mereka ke kilang responden kedua. Hakim perbicaraan dengan wajar menilai keterangan yang relevan dan menyimpulkan bahawa perayu-perayu tidak mempunyai locus standi. Bantahan perayu-perayu terhadap dapatan hakim perbicaraan ini adalah salah anggap (lihat perenggan 18).

(6) Perayu-perayu gagal untuk membuktikan semasa perbicaraan bahawa setiap KPG adalah salah. Saksi-saksi perayu-perayu sendiri, apabila diperiksa balas, mengaku bahawa ia adalah dalam julat yang dinyatakan di dalam Manual Lembaga Minyak Sawit Malaysia (lihat perenggan 41).

(7) Perayu-perayu gagal untuk membuktikan fraud terhadap responden-responden atas imbangan kebarangkalian atau untuk mengemukakan tuntutan prima facie. Mereka juga gagal untuk membuktikan kuantum ganti rugi untuk tempoh tuntutan mereka kerana mereka gagal untuk membuktikan kuantiti FFB yang dikatakan dijual oleh setiap perayu-perayu kepada responden-responden atau untuk menujukkan 'shortfall' yang dikatakan di antara KPG 'proper' dan KPG yang diberikan atau untuk menunjukkan harga bulanan/harian FFB untuk peratusan kurangan bagi tempoh tuntutan tersebut (lihat perenggan 32 dan 53).]

Notes

For cases on appeal against judgment of High Court, see 2(1) *Mallal's Digest* (5th Ed, 2017 Reissue) paras 940–960.

Cases referred to

Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA) & Anor v Awang Soh bin Mamat & Ors [2009] 4 MLJ 610, CA (refd)

Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA) lwn Ramli bin Abdul Rahman dan lain-lain dan satu lagi rayuan [2014] 4 MLJ 347; [2014] 7 CLJ 339, CA (refd)

PP v Mohd Radzi bin Abu Bakar [2003] MLJU 828; [2006] 1 CLJ 457, FC (folld)

Sinnaiyah & Sons Sdn Bhd v Damai Setia Sdn Bhd [2015] 5 MLJ 1, FC (folld)

Legislation referred to

Land Development Act 1956
Limitation Act 1953 ss 6, 22, 22(1)(a)
Public Authorities Protection Act 1948 s 2
Rules of Court 2012 O 59 r 16

Appeal from: Civil Trial No 22–219 of 2010 (High Court, Seremban)

Sivarasa Rasiah (T Kumar and Shahid Adli bin Kamarudin with him) (Daim & Gamany) for the appellants.
Mohd Hafarizam Harun (Cheng Mai, Nor Hazira bt Abu Haiyan, Ahmad Al Hady and Nurshafiqa Balqish bt Jaffri with him) (Hafarizam Wan & Aisha Mubarak) for the respondents.

Zamani A Rahim JCA:

INTRODUCTION

[1] In essence, the appellants' ('the plaintiffs') suit in the High Court filed on 9 August 2010 was based on a claim for fraud and conspiracy to defraud against the respondents ('the first and second defendants') as well as a claim for breach of trust by the first and second defendants in respect of the sale of oil palm fresh fruit bunches ('FFB') by the plaintiffs to the defendants.

TERMINOLOGY AND GENERAL INFORMATION RELEVANT TO THE SUIT

[2] For ease of reference, we set out below, a summary of the terminology and facts relevant to the oil palm industry to clarify some technical phrases and facts pertinent to the said industry in general:

(a) terminology:

(i) 'FFB' — fresh fruit bunches, also known in Bahasa Melayu as 'BTS' — *buah tandan segar*;

(ii) 'KPA' — *kadar perahan asas*, also known as basic extraction rate;

(iii) 'KPG' — *kadar perahan digred*, also known as graded extraction rate;

(iv) 'OER' — oil extraction rate, also known as *kadar perahan sebenar*;

(b) information on Malaysian Palm Oil Board ('MPOB'):

(i) prior to May 2000, there were two separate agencies which were known as PORLA (Palm Oil Registration and Licensing Authority) and PORIM (Palm Oil Research Institute of Malaysia), which were the governing authorities for the oil palm industry;

(ii) on first May 2000, these two separate agencies merged into one and became known as MPOB (Malaysian Palm Oil Board), which then became the governing authority for the oil palm industry; and

(iii) MPOB has two main divisions, namely (i) the research and development (R&D) division; and (ii) the services division, which consists of enforcement, licensing and economic departments;

(c) information on the MPOB/PORLA grading manual:

(i) the PORLA Fresh Fruit Bunch Grading Manual (1st Ed) was issued in 1993 — in English version and Bahasa Malaysia version in 1995; and

(ii) the MPOB Oil Palm Fruit Grading Manual (2nd Ed) was issued in 2003 — in Engish version and Bahasa Malaysia version in 2005;

(d) effective from 1 January 2006, by way of a *Government Gazette PU(A) 516 dated 31 December 2005 on the MPOB Regulations (Licensing) 2005*, condition 6 or the licence (which is applicable to the second defendant) states that 'a licensee shall *perform grading* on oil palm fruit received or purchased *based on MPOB Oil Palm Fruit Grading Manual* or any documents as may be determined by MPOB or *any system of grading as may be determined by the board*; and

(e) the MPOB Oil Palm Fruit Grading Manual itself, which is referred to in condition 6 or the licence, states at its foreword at page (vii) that:

> This manual is published as a *reference* especially for those that do not have their own grading schemes. For mills and estates that have their own grading schemes, this manual can serve as an alternative when they purchase fruits from outside suppliers.

BACKGROUND FACTS

[3] The plaintiffs are FELDA settlers from Serting, Jempol, Negeri Sembilan.

[4] The first defendant ('FELDA') is a statutory authority established under the Land Development Act 1956.

[5] The second defendant ('FPI') is a private limited company incorporated on 14 September 1995 and operates, inter alia, two palm oil mills, namely Kilang Sawit Serting and Kilang Sawit Serting Hilir.

[6] The suit involves FELDA Schemes in the following areas:

(a) Rancangan FELDA Serting Hilir 1, 2, 4–7 where each FELDA settler has ten acres of oil palm;

(b) Rancangan FELDA Raja Alias 1–3 where each FELDA settler has three acres of oil palm; and

(c) Rancangan FELDA Raja Alias 4 where each FELDA settler has seven acres of oil palm.

[7] All the palm oil trees in these schemes were planted in 1980/1981, and planting was completed in 1980/1981, save and except for Rancangan FELDA Raja Alias 4 and Serting Hilir 5 where planting was completed in 1982.

[8] Up until 1998, FPI adopted a system known as 'Sistem Kadar Perahan' for the sale and purchase of FFB, whereby the FFB purchases were paid based on the actual oil extraction rate of the mill regardless of the quality of the FFB sent to the mill.

[9] From March to September 1998, FPI introduced, in stages across the country, a new system, namely 'Sistem Baru Belian Buah Kelapa Sawit atau Buah Tandan Segar (BTS)'. Under this new system, which was also known as 'Sistem Belian Terus', the purchase of FFB was based on the daily CPO and kernel price. The final price of the FFB was to be determined according to the quality of the FFB delivered to the mill after grading was conducted and the KPG determined.

[10] KPG was determined based on the formula set out in grading manual (first issued by PORLA in 1993 and then by MPOB in 2003) which was:

> KPG (Graded Extraction Rate) = KPA (Base Extraction Rate) minus Penalty whereby the Penalty was determined in accordance with the grading process stipulated in the Grading Manual.

[11] On 9 August 2010, the plaintiffs commenced a suit against the defendants alleging:

(a) fraud and/or conspiracy to defraud in the sale and purchase of the oil palm and specifically, in reducing the KPG; and

(b) breach of trust.

[12] The plaintiffs are claiming from the defendants special damages based on the plaintiffs' output of oil palm and the price of FFB for every year from 1995 onwards, and are also claiming for general damages and exemplary damages for fraud and breach of trust.

THE DECISION OF THE HIGH COURT

[13] The learned High Court judge on 26 June 2016 dismissed the plaintiffs' claim. The findings of the learned High Court judge, inter alia, may be summarised as follows:

(a) the appellants ('the plaintiffs') failed to establish their locus standi to sue, as they have not proven that each and every plaintiff is a FELDA settler who sold FFB to the respondents ('the defendants');

(b) the plaintiffs failed to establish fraud against the defendants;

(c) the plaintiffs failed to establish the particulars of fraud as pleaded in para 21 of their amended statement of claim at all;

(d) the plaintiffs failed to establish that there was a conspiracy to defraud by the defendants. In this regard, the plaintiffs failed to plead or establish during trial any agreement between the defendants to defraud the plaintiffs and/or any agreement between the defendants to fraudulently reduce the KPG which is fundamental requisite for a claim in conspiracy to succeed;

(e) the plaintiffs failed to establish that there was a trust in existence between the plaintiffs and first defendants and further thereto, that there was a fraudulent breach of trust by the first defendant as trustee. It was necessary for the plaintiffs to first establish the three elements necessary to show a trust and this they failed to do;

(f) the plaintiffs' claim, which was filed in 2010 but sought to claim damages from 1995, is time barred by virtue of s 2 of the Public Authorities Protection Act 1948 vis a vis the first defendant, and/or s 6 of the Limitation Act 1953 vis a vis both the defendants. Further, the plaintiffs were not entitled to rely on s 22 of the Limitation Act 1953 as the plaintiff failed to establish an existence of a trust and/or also a fraudulent breach of trust;

(g) the plaintiffs were guilty of laches in pursuing their claim and this has prejudiced the defendants in their ability to properly defend the action;

(h) in any event, the plaintiffs have not established the quantum of damages purportedly suffered by the plaintiffs; and

(i) costs of RM1,000 to be paid by each plaintiff to the defendants.

MEMORANDUM OF APPEAL

[14] The plaintiffs are aggrieved with the High Court decision and are appealing to this court. A lengthy ground of appeal, consisting of 33 grounds are advanced in the *rekod rayuan tambahan* at pp 67–76 which read in extenso as follows:

(1) Yang Arif Hakim telah terkhilaf dari segi fakta dan undang-undang apabila memutuskan untuk menolak tuntutan Perayu-perayu dengan kos;

Locus standi Perayu-perayu

(2) Yang Arif Hakim telah terkhilaf dari segi fakta dan undang-undang apabila memutuskan Perayu-perayu telah gagal untuk membuktikan bahawa mereka mempunyai *locus standi* untuk menyaman Responden-responden apabila gagal membuktikan bahawa mereka adalah peneroka FELDA yang telah menghantar

hasil buah tandan sawit mereka ke kilang-kilang Responden Kedua kerana pengurus-pengurus rancangan-rancangan FELDA yang merupakan saksi-saksi Responden-responden tidak menyangkal fakta tersebut;

Isu had masa

(3) Yang Arif Hakim telah terkhilaf dari segi fakta dan undang-undang apabila memutuskan PW1 hingga PW4 tidak mempunyai kuasa untuk memberikan keterangan untuk atau bagi pihak Perayu-perayu kerana:

(a) PW1 hingga PW4 telah di dalam keterangan lisan mereka menyatakan bahawa mereka mempunyai kuasa untuk memberikan keterangan bagi pihak Perayu-perayu; dan

(b) Responden-responden tidak mengemukakan sebarang saksi untuk menyangkal keterangan PW1 hingga PW4.

(4) Yang Arif Hakim telah terkhilaf dari segi fakta dan undang-undang apabila memutuskan tuntutan Perayu-perayu adalah dihalang oleh s 2 Akta Perlindungan Pihak Berkuasa Awam 1948 kerana:

(a) Seksyen 2 Akta Perlindungan Pihak Berkuasa Awam 1948 tidak terpakai kepada Responden Kedua; dan

(b) Perayu-perayu masih boleh menuntut tempoh sehingga 3 tahun sebelum tuntutan Perayu-perayu difailkan.

(5) Yang Arif Hakim telah terkhilaf dari segi fakta dan undang-undang apabila memutuskan tuntutan Perayu-perayu adalah dihalang oleh seksyen 6 Akta Had Masa 1953 kerana Perayu-perayu masih boleh menuntut untuk tempoh sehingga 6 tahun sebelum tuntutan Perayu-perayu difailkan;

(6) Yang Arif Hakim telah terkhilaf dari segi fakta dan undang-undang apabila memutuskan seksyen 22 Akta Had Masa 1953 tidak terpakai terhadap tuntutan Perayu-perayu kerana tuntutan Perayu-perayu adalah inter alia melibatkan pelanggaran kewajipan fidusiari di mana kes *Ong Tok How & Anor v Madam Ong Lay Eng @ Ong Lay Len (Proposed administrator/Administrator for Ooi Koe Ley, wife of the deceased) & Ors* [2011] 3 MLJ 799 telah memutuskan seksyen 22 Akta Had Masa 1953 adalah terpakai;

(7) Yang Arif Hakim telah terkhilaf dari segi fakta dan undang-undang apabila memutuskan Responden-responden telah bersalah kecuaian kelewatan (laches) di dalam tuntutan mereka kerana kecuaian kelewatan (laches) hanya terpakai kepada relif yang saksama (equitable relief) dan tuntutan Perayu-perayu adalah untuk gantirugi;

(8) Yang Arif Hakim telah terkhilaf dari segi fakta dan undang-undang apabila memutuskan tindakan Perayu-perayu yang terus menjual buah tandan sawit mereka kepada Responden-responden merupakan estopel dan persetujuan (acquiescence) kerana gagal mengambilkira klausa 9 Surat Perjanjian dan klausa 13 Perjanjian Tanam Semula dan Pengurusan Kebun memerlukan Perayu-perayu perlu menjual buah tandan sawit mereka kepada Responden-responden;

(9) Yang Arif Hakim telah terkhilaf dari segi fakta dan undang-undang apabila gagal

A mengambilkira bahawa memandangkan tuntutan Perayu-perayu difailkan pada tahun 2010, keterangan DW19 menunjukkan bahawa Responden-responden sepatutnya mempunyai dokumen-dokumen mereka sehingga tahun 2003.

Perlanggaran kewajipan fidusiari dan penipuan berasaskan ekuiti

B (10) Yang Arif Hakim telah terkhilaf dari segi fakta dan undang-undang apabila memutuskan Responden-responden adalah bukan fidusiari kepada Perayu-perayu kerana:

(a) Responden Pertama telah menetapkan bahawa Perayu-perayu perlu menjual buah tandan sawit mereka ke Responden Kedua; dan

C

(b) Responden-responden mempunyai kuasa penuh terhadap proses pengredan dan jual beli buah tandan sawit Perayu-perayu.

(11) Yang Arif Hakim telah terkhilaf dari segi fakta dan undang-undang apabila memutuskan hubungan antara Perayu-perayu dan Responden-responden adalah D konraktual dan oleh itu tanggungjawab fidusiari tidak terbangkit kerana tanggungjawab fidusiari boleh berbangkit di dalam hubungan kontraktual;

(12) Yang Arif Hakim telah terkhilaf dari segi fakta dan undang-undang apabila memutuskan bahawa standard pembuktian yang diperlukan untuk membuktikan penipuan adalah pembuktian melampaui keraguan munasabah kerana Mahkamah E Persekutuan di dalam kes *Sinnaiyah & Sons Sdn Bhd v Damai Setia Sdn Bhd and another appeal* [2014] 1 MLJ 492 telah mengisytiharkan bahawa standard pembuktian yang terpakai adalah di atas imbangan kebarangkalian;

(13) Yang Arif Hakim telah terkhilaf dari segi fakta dan undang-undang apabila gagal mengambilkira bahawa:

F

(a) Manual Pengredan MPOB adalah standard minima yang perlu dipatuhi oleh Responden-responden;

(b) Tindakan Responden Kedua mengambilkira pencapaian setempat di dalam penentuan Kadar Perahan Asas adalah menyalahi Manual G Pengredan MPOB;

(c) Tindakan Responden-responden yang menggunakan angka Kadar Perahan Asas yang telah ditentukan terlebih dahulu iaitu KPA kilang untuk konsignan-konsignan yang dihantar oleh Perayu-perayu adalah menyalahi Manual Pengredan MPOB;

H

(d) Angka Kadar Perahan Asas tidak dinyatakan di Akuan BTS walaupun ia adalah penting untuk perkiraan bayaran jual beli buah tandan sawit;

(e) Keputusan ujian makmal buah tandan sawit Perayu-perayu boleh diambilkira untuk menunjukkan potensi buah tandan sawit Perayu-perayu; dan

I

(f) Tindakan Responden-responden yang menentukan terlebih dahulu purata berat tandan untuk konsignan-konsignan yang dihantar oleh Perayu-perayu adalah menyalahi Manual Pengredan MPOB.

(14) Yang Arif Hakim telah terkhilaf dari segi fakta dan undang-undang apabila

gagal mengambilkira bahawa terdapat keterangan mencukupi untuk membuktikan aspek fakta-fakta di perenggan 12 di atas yang menunjukkan Responden-responden telah melakukan perlanggaran kewajipan fidusiari (breach of fiduciary duty) dan penipuan berasaskan ekuiti (equitable fraud) terhadap Perayu-perayu;

(15) Yang Arif Hakim telah terkhilaf dari segi fakta dan undang-undang apabila gagal mengambilkira hujahan Perayu-perayu bahawa keterangan menunjukkan Responden-responden sebagai fidusiari telah melakukan penipuan berasaskan ekuiti (equitable fraud) kepada Perayu-perayu walaupun kes *Zung Wang Wood Products Sdn Bhd & Ors v Kwan Chee Hang Sdn Bhd & Ors* [2014] 2 MLJ 799 memutuskan bahawa plaintif boleh berjaya untuk tuduhan penipuan apabila penipuan seperti yang didapati oleh mahkamah perbicaraan itu tidak adalah penipuan seperti yang telah diplidkan;

(16) Yang Arif Hakim telah terkhilaf dari segi fakta dan undang-undang apabila menghadkan dan hanya mengambilkira kausa-kausa tindakan yang dinyatakan di perenggan 1 alasan Penghakiman sedangkan keterangan menunjukkan terdapat perlanggaran kewajipan fidusiari (breach of fiduciary duty) dan penipuan berasaskan ekuiti (equitable fraud) oleh pihak Perayu-perayu;

(17) Yang Arif Hakim telah terkhilaf dari segi fakta dan undang-undang apabila memutuskan Perayu-perayu tidak memplidkan sebarang pelanggaran kewajipan fidusiari dan butirannya kerana terdapat keterangan yang mencukupi dan oleh itu isu kekurangan butiran tidak terbangkit;

(18) Yang Arif Hakim telah terkhilaf dari segi fakta dan undang-undang apabila gagal mengambilkira Perayu-perayu telah membuktikan kes prima facie untuk perlanggaran kewajipan fidusiari (breach of fiduciary duty) dan penipuan berasaskan ekuiti (equitable fraud) yang tidak disangkal oleh Responden-responden;

(19) Yang Arif Hakim telah terkhilaf dari segi fakta dan undang-undang apabila memutuskan angka Kadar Perahan Asas adalah sentiasa berada di dalam julat angka berdasarkan umur pokok yang dinyatakan oleh Jadual 1 untuk Manual Pengredan MPOB kerana keterangan menunjukkan kriteria yang digunakan oleh Responden-responden adalah purata berat tandan dan bukannya umur pokok;

